



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

19.08.2022

### ❖ Kerugian besar secara berterusan mengheret harga saham sarung tangan ke bawah paras prapandemik

Kisah kegagalan empat pengeluar sarung tangan terbesar Malaysia rentetan daripada kitaran ganas yang melibatkan pembetulan harga dalam tempoh dua tahun ternyata bukan calang-calang kisah.

Sejak kebelakangan ini, prospek industri yang lemah menyebabkan saham sarung tangan terus dijual pada harga rendah apabila Hartalega Holdings Berhad dan Kossan Rubber Industries Berhad menimbulkan kemarahan pelabur akibat penurunan/normalisasi harga jualan purata (*average selling price, ASP*) dan persaingan sengit dari China.

Mengimbas kembali pada 14 Oktober 2020, harga saham Top Glove Corporation Berhad mencapai paras tertinggi sepanjang masa pada RM9.48 (terbitan tanpa bonus pada nisbah 2:1), meletakkan nilai kepada pengeluar sarung tangan terbesar di dunia itu pada RM77.59 bilion.

Pada ketika itu, Top Glove hanya kurang 52 sen untuk memintas Maybank sebagai syarikat terbesar di Bursa Malaysia (permodalan pasaran Maybank ketika itu ialah RM81.39 bilion) (*theedgemarkets.com*, 15 Oktober 2020).

Kembali ke masa kini, semuanya sudah berubah bagi empat syarikat pengeluar sarung tangan terbesar dan pemain lain yang lebih kecil, termasuklah mereka yang menyertai kemeriahan industri sarung tangan selepas termakan umpan keuntungan luar biasa yang dilaporkan oleh syarikat sarung tangan sedia ada berikutan ASP sarung tangan yang melambung tinggi.

Walaupun permodalan pasaran Maybank meningkat 31.9% kepada RM107.37 bilion pada 17 Ogos 2022 (daripada RM81.39 bilion pada 14 Oktober 2020), Top Glove menyaksikan permodalan pasarannya merudum sebanyak 90.9% kepada RM7.06 bilion.

### Lebih rendah daripada tahap prapandemik

Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga, kesemua empat pengeluar sarung tangan terbesar kini didagangkan di bawah paras prapandemik berdasarkan harga saham masing-masing pada 31 Disember 2019.

Hartalega baru-baru ini mengumumkan prestasi suku pertama yang suram untuk tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2022, dengan harga sahamnya ditutup pada RM1.74 pada 17 Ogos, 68.25% lebih rendah daripada harga saham prapandemik iaitu RM5.48 pada 31 Disember 2019.

Hartalega sejak kebelakangan ini mengalami tekanan jualan yang hebat bukan sahaja disebabkan oleh prospek yang lemah tetapi juga susulan pelupusan saham yang konsisten oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Institusi pengurus dana keselamatan sosial itu tidak lagi menjadi pemegang saham utama Hartalega apabila kepentingannya menurun di bawah 5%. Sehingga 15 Ogos, pegangan KWSP dalam Hartalega telah menyusut kepada 4.96% atau 170.01 juta saham daripada 8% atau bersamaan dengan 273.97 juta saham pada 3 Januari.

Ditutup pada harga 86 sen pada 17 Ogos, saham Top Glove merudum 81.7% daripada harga prapandemik iaitu RM4.70 manakala saham Kossan ditutup pada RM1.02 atau 75.48% lebih rendah daripada harga prapandemik iaitu RM4.16.

Saham Supermax Corporation Berhad yang kali terakhir didagangkan pada 77.5 sen pada 17 Ogos merekodkan penurunan 68.25% daripada harga prapandemik iaitu RM1.39 sen.

*\*Harga saham yang dinyatakan di atas diambil daripada laman sesawang Bursa Malaysia dan diselaraskan untuk pelaksanaan korporat yang diumumkan oleh pengeluar sarung tangan berkenaan.*

## **Peredaan industri**

Prospek jangka pendek kekal suram bagi pengeluar sarung tangan susulan permintaan semasa yang lemah, manakala pelanggan mengekalkan tahap inventori yang rendah.

Jumlah bekalan yang tinggi dalam pasaran serta pemotongan harga oleh pengeluar sarung tangan China adalah dua faktor utama yang mempengaruhi prospek pengeluar sarung tangan.

Hasil daripada pengembangan kapasiti secara besar-besaran oleh pemain sedia ada, serta kemasukan pemain baharu sewaktu tahun-tahun pandemik, penganalisis menganggarkan kapasiti pembuatan sarung tangan global melonjak 22% kepada 511 bilion keping pada tahun 2022.

Permintaan dan bekalan yang tidak seimbang akan berterusan walaupun sesetengah peserta baharu telah mula menutup kemudahan pengeluaran mereka manakala kebanyakan pemain besar dalam industri telah menangguhkan rancangan pengembangan syarikat.

Penganalisis berpendapat bahawa situasi permintaan-bekalan ini hanya akan mencapai keseimbangan bermula pada 2025 apabila pertumbuhan kapasiti baharu berkurangan manakala permintaan untuk sarung tangan terus disokong oleh kesedaran amalan kebersihan yang baik.

Selain itu, pengeluar sarung tangan dijangka menurunkan lagi ASP mereka untuk kekal berdaya saing dalam tempoh terdekat.

Pengeluar sarung tangan China kini menjual di bawah kos, pada harga 16 hingga 17 USD bagi setiap 1,000 keping berbanding pemain Malaysia yang menjual pada harga sekitar 20 hingga 25 USD bagi setiap 1,000 keping.

Walau bagaimanapun, tindakan sedemikian menunjukkan bahawa pengeluar sarung tangan tidak dapat menyalurkan sepenuhnya kenaikan kos kepada pembeli disebabkan oleh ASP yang kian menurun dan persekitaran operasi yang semakin kompetitif.

### **Prospek menurun**

Berdasarkan perkara di atas, firma penyelidikan terus menjangkakan pasaran menurun bagi saham sarung tangan.

Sebagai contoh, CGS-CIMB Research baru-baru ini telah menurunkan taraf Hartalega daripada "pegang" kepada "kurangkan", dengan memotong separuh harga sasaran daripada RM4.70 kepada RM2.30.

UOB Kay Hian Research pula menurunkan taraf Hartalega daripada "pegang" kepada "jual" dengan harga sasaran yang lebih rendah iaitu RM2.25 daripada RM2.55.

Sementara itu, berlatarkan sentimen sektor yang semakin menurun ekoran persaingan yang sengit, Maybank IB Research telah mengulangi saranan "jual" ke atas Hartalega dengan harga sasaran yang lebih rendah iaitu RM1.86 berbanding RM2.48 sebelum ini.

Kossan juga berdepan nasib yang sama. Pendapatan syarikat sepanjang tiga bulan bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2022 merudum 73.64% tahun ke tahun kepada RM589.86 juta daripada RM2.24 bilion, disebabkan oleh ASP dan volum jualan yang lebih rendah.

Ini menyebabkan untung bersih syarikat menjunam 95.68% tahun ke tahun kepada RM45.99 juta (separuh kedua tahun kewangan 2021: RM1.06 bilion). Sehubungan itu, Kenanga Research telah menurunkan harga sasaran untuk Kossan daripada RM1.20 kepada RM1.03, pada masa yang sama mengekalkan penarafan "kurang memuaskan" terhadap pengeluar sarung tangan itu.

Akhir sekali, PublicInvest Research mengekalkan saranan "neutral" ke atas Kossan dengan harga sasaran yang lebih rendah iaitu RM1.40 daripada RM1.73.

### **Devanesan Evanson Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 22 hingga 26 Ogos 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
22.08.22 (Isnin) 10.00 pagi	KNM Group Berhad (EGM)	KNM mencadangkan untuk melupuskan 100% kepentingan ekuitinya dalam Borsig GmbH kepada GPR Siebzigste Verwaltungsgesellschaft mbH (kini dikenali sebagai Vorsprung Industries GmbH) pada harga EUR220.8 juta. Sebahagian besar daripada hasil pelupusan ini akan digunakan untuk membayar balik pinjaman bank dan sebagai modal kerja. Selepas pembayaran balik hutang, nisbah penggearannya dijangka bertambah baik kepada 0.29x daripada 0.68x sebelum ini.
23.08.22 (Selasa) 10.00 pagi	SAM Engineering & Equipment (M) Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM1.15 bilion bagi tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM873.7 juta) dan untung sebelum cukai berjumlah RM100.5 juta (tahun kewangan 2021: RM81.8 juta). Perniagaan Aeroangkasa masih berdepan kerugian dengan rugi sebelum cukai berjumlah RM11.6 juta walaupun jumlahnya lebih rendah sebanyak RM10.6 juta tahun ke tahun. Dengan pemulihan perjalanan udara dalam negara, Kumpulan menyaksikan permintaan yang kukuh untuk produk A320neo, A220 dan B737Max.</p> <p>Bagi perniagaan Peralatan, permintaan yang kukuh untuk peralatan semikonduktor dan penyimpanan datanya meningkatkan untung sebelum cukai sebanyak 7.8% kepada RM112.1 juta. Permintaan pelanggan untuk produk peralatan Kumpulan terus meningkat, justeru SAM akan mengembangkan kapasitinya di Malaysia dan Thailand untuk memenuhi permintaan ini.</p>
23.08.22 (Selasa) 02.30 petang	Perusahaan Sadur Timah Malaysia (Perstima) Bhd (AGM)	Perstima menyaksikan lonjakan ketara dalam pendapatan iaitu 61.5% kepada RM1.34 bilion pada tahun kewangan 2022.

		<p>Bagaimanapun, untung bersihnya menyusut 2.5% kepada RM50.93 juta berbanding RM52.22 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Penurunan mendadak dalam margin keuntungan adalah disebabkan oleh kenaikan mendadak dalam harga bahan mentah serta perbelanjaan pengagihan dan pentadbiran.</p> <p>Buat masa ini, kejatuhan harga bijih timah antarabangsa sepatutnya memberi ruang kepada Persfima memandangkan kos plat hitam kilang bijih timah merangkumi 80% daripada kos pengeluarannya.</p>
23.08.22 (Selasa) 03.00 petang	Kumpulan Fima Berhad (AGM)	<p>Walaupun berdepan pasaran yang mencabar di tengah-tengah pandemik COVID-19, kumpulan mencatatkan keputusan yang memberangsangkan bagi tahun kewangan 2022 dengan pertumbuhan pendapatan sebanyak 37.3% kepada RM683.50 juta, mengandakan untung sebelum cukai kumpulan kepada RM185.31 juta berbanding RM91.85 setahun yang lalu. Kesemua empat bahagiannya mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang positif dan bertambah baik dalam tahun kewangan 2022, yang menyaksikan perniagaan perladangan, pukal dan makanan merekodkan prestasi yang kukuh manakala bahagian pembuatannya merekodkan prestasi yang stabil.</p>
24.08.22 (Rabu) 11.00 pagi	ATA IMS Berhad (AGM)	<p>Prestasi Syarikat merudum pada tahun kewangan 2022 dengan kerugian bersih berjumlah RM12.1 juta selepas pelanggan utamanya iaitu Dyson menarik diri selepas Syarikat didakwa terlibat dalam amalan buruh paksa.</p> <p>Penarikan diri Dyson adalah isu besar kerana ia menyumbang kira-kira 81% daripada pendapatan Syarikat. Pendapatan syarikat menyusut 38% kepada RM2.6 bilion berbanding RM4.2 bilion setahun yang lalu.</p>

		Syarikat berdepan cabaran getir disebabkan dakwaan buruh paksa ini, dari segi mendapatkan pelanggan baharu dan menghapuskan stigma akibat dakwaan tersebut.
24.08.22 (Rabu) 03.00 petang	KPower Berhad (EGM)	Kpower mencadangkan pertukaran nama syarikat daripada KPower Berhad kepada Reneuco Bhd. Langkah ini selaras dengan penjenamaan semula, penstrukturan semula dan permodalan semulanya yang bermatlamat mencerminkan perniagaan terasnya dengan lebih baik dalam segmen utiliti dan tenaga mampan, peralihan kepimpinan dan kesinambungan pengurusan.
25.08.22 (Khamis) 10.00 pagi	Eduspec Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Eduspec bagi tahun kewangan 2022 menyusut 5.3% tahun ke tahun kepada RM8.75 juta (tahun kewangan berakhir 2021: RM9.24 juta) ekoran pendapatan lesen yang lebih rendah dari Filipina. Kesemua segmen perniagaan sekolah Eduspec terjejas teruk disebabkan penutupan sekolah akibat wabak COVID-19.</p> <p>Namun demikian, syarikat berjaya mengurangkan rugi bersihnya kepada RM13.27 juta berbanding rugi bersih RM23.49 juta pada tahun sebelumnya, dengan mengurangkan perbelanjaan pentadbiran kepada RM10.86 juta berbanding RM19.27 juta pada tahun kewangan sebelum ini.</p>
25.08.22 (Khamis) 10.30 pagi	YGL Convergence Berhad (AGM)	YGL menyaksikan pendapatannya melonjak 152.1% kepada RM13.85 juta pada tahun kewangan 2022 terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang tinggi daripada segmen pemasangan suria, dengan peningkatan pendapatan lebih 9 kali ganda kepada RM8.27 juta. Namun demikian, syarikat merekodkan kerugian bersih berjumlah RM0.08 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding untung bersih RM0.19 juta setahun yang lalu. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh margin projek yang

		berbeza dan peningkatan kos bahan-bahan pemasangan suria.
25.08.22 (Khamis) 10.00 pagi	IJM Corporation Berhad (AGM)	IJM Corp mencatatkan untung sebelum cukai yang lebih rendah berjumlah RM317.87 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding RM511.15 juta pada tahun sebelumnya. Kerosotan dalam prestasi keuntungan ini adalah disebabkan oleh rosot nilai tidak berulang ke atas inventori hartanah dan aset konsesi tol Kumpulan serta ketiadaan untung tidak berulang daripada pelupusan aset yang ada pada tahun sebelumnya.
25.08.22 (Khamis) 11.00 pagi	EUPE Corporation Berhad (AGM)	EUPE mencatatkan pendapatan yang lebih rendah bagi tahun kewangan 2022 iaitu RM223.2 juta berbanding RM304.0 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2021. Sehubungan itu, keuntungan sebelum cukainya menyusut kepada RM39.7 juta berbanding RM85.2 juta yang dicapai pada tahun kewangan sebelum ini.
25.08.22 (Khamis) 11.00 pagi	YBS International Berhad (AGM)	Pendapatan YBS berjumlah RM79.51 juta pada tahun kewangan 2022, meningkat 25.9% daripada RM63.13 juta pada tahun kewangan 2021. Segmen pemesinan dan pengecapan jitu merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan dengan pendapatan meningkat 39% kepada RM50.3 juta pada tahun kewangan 2022. Sebaliknya, keuntungan sebelum cukai meningkat 127.4% kepada RM7.12 juta pada tahun kewangan 2022. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pendapatan dengan margin keuntungan yang lebih tinggi.
25.08.22 (Khamis) 12.00 tengah hari	EUPE Corporation Berhad (EGM)	EUPE cuba mendapatkan lampu hijau daripada pemegang saham untuk cadangan pengambilalihan 4.812 ekar tanah pajakan di Kuala Lumpur dengan balasan tunai RM125 juta.
25.08.22 (Khamis) 01.00 petang	PNE PCB Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan meningkat kepada RM85.5 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM80.0

		<p>juta pada tahun kewangan 2021. Bagaimanapun, rugi bersihnya meningkat kepada RM20.7 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding rugi bersih berjumlah RM4.8 juta pada tahun kewangan 2021. Ini disebabkan oleh kos jualan yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga bahan mentah, serta peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan dan deposit, masing-masing berjumlah RM3.6 juta dan RM9.0 juta.</p> <p>Kumpulan mencatatkan kerugian sepanjang tempoh empat tahun kewangan yang lalu.</p>
25.08.22 (Khamis) 02.00 petang	Eastern & Oriental Berhad (AGM)	<p>Pendapatan E&amp;O bagi tahun kewangan 2022 merudum 54% kepada RM140.5 juta daripada RM304.7 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pendapatan yang rendah adalah disebabkan oleh prestasi segmen Hartanah yang lemah yang menyaksikan penurunan pendapatan sebanyak RM176.8 juta kepada RM110.6 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pendapatan berkaitan hartanah yang menyusut adalah disebabkan oleh penjualan tanah berjumlah RM98.3 juta pada tahun kewangan 2021 dan penurunan jualan hartanah siap berjumlah RM70.4 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Namun begitu, prestasinya berubah pada tahun kewangan 2022 apabila memperoleh untung sebelum cukai berjumlah RM82.5 juta berbanding rugi sebelum cukai berjumlah RM48.0 juta pada tahun kewangan 2021.</p>
25.08.22 (Khamis) 02.30 petang	Oriental Food Industries Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan OFI menyusut 2.6% kepada RM288.1 juta pada tahun kewangan 2022. Penurunan ini adalah disebabkan oleh jualan yang lebih rendah daripada pasaran tempatan dan eksport dalam segmen makanan ringan dan konfeksi. Melihat dari segmen geografi, campuran pendapatan</p>



		Kumpulan terdiri daripada 45% jualan tempatan dan 55% jualan eksport. Namun begitu, Kumpulan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.9% dalam untung sebelum cukai kepada RM24.2 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan mata wang asing dan pampasan insurans, masing-masing berjumlah RM1.45 juta dan RM1.51 juta.
26.08.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Boilermech Holdings Berhad (AGM)	Secara keseluruhan, Boilermech menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun kewangan 2022 dengan mencatatkan pendapatan berjumlah RM317.8 juta, meningkat 33.9% tahun ke tahun. Bagaimanapun, untung sebelum cukainya merosot sebanyak 23.7% kepada RM25.7 juta, terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada segmen Bio-Tenaga. Untung sebelum cukai bagi segmen itu menyusut 25.4% kepada RM18.2 juta berikutan harga komoditi yang tinggi serta campuran produk yang tidak menggalakkan.
26.08.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Powerwell Holdings Berhad (AGM)	Powerwell mencatatkan pendapatan berjumlah RM80.9 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding RM107.9 juta pada tempoh kewangan 2021 (yang meliputi 15 bulan). Pandemik COVID-19 memberi kesan negatif yang ketara terhadap operasi perniagaan dan keputusan kewangan Kumpulan. Sementara itu, syarikat melaporkan rugi sebelum cukai yang lebih rendah berjumlah RM2.0 juta bagi tahun kewangan 2022 berbanding rugi sebelum cukai berjumlah RM8.4 juta pada tahun kewangan 2021. Ini disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah dan kerugian rosot nilai yang lebih rendah ke atas penghutang dagangan dan penghutang lain serta hak pemajak untuk menggunakan aset.
26.08.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Matrix Concepts Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan menyaksikan pendapatannya menyusut 21% kepada RM892.4 juta pada tahun

		<p>kewangan 2022, berbanding pendapatan berjumlah RM1.13 bilion pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Pada masa yang sama, pembayaran dividennya meningkat kepada RM104.3 juta berbanding RM100.1 juta pada tahun kewangan 2021, diterjemahkan kepada nisbah pembayaran sebanyak 52% pada tahun kewangan 2022.</p>
26.08.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Powerwell Holdings Berhad (EGM)	<p>Powerwell berusaha mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk mengubah penggunaan hasil yang diperoleh daripada tawaran awam permulaannya (<i>initial public offer, IPO</i>). Perubahan yang dicadangkan akan membolehkan lebih dana yang diperuntukkan sebagai perbelanjaan modal diperuntukkan semula untuk tujuan modal kerja. Selain itu, Kumpulan memerlukan masa tambahan untuk menyelesaikan penggunaan hasil daripada IPO berikutan gangguan dan ketidaktentuan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.</p>
26.08.22 (Jumaat) 11.00 pagi	Xin Hwa Holdings Berhad (AGM)	<p>Xin Hwa mencatatkan pendapatan berjumlah RM105.4 juta pada tahun kewangan dalam tinjauan, dengan peningkatan 7.8% tahun ke tahun. Ini sebahagian besarnya didorong oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada segmen pergudangan dan pengedaran.</p> <p>Untung sebelum cukai berjumlah RM0.4 juta berbanding RM4.6 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya dipengaruhi oleh kos operasi yang lebih tinggi, termasuk peningkatan susut nilai untuk Pusat e-Fulfilment Shah Alam yang baharu, serta kerugian rosot nilai bagi penghutang perdagangan berjumlah RM2.3 juta.</p>
26.08.22 (Jumaat) 03.00 petang	Cahaya Mata Sarawak Berhad (EGM)	<p>CMSB cuba mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pelupusan berikut:</p> <p>Samalaju Industries Sdn Bhd (SISB), anak syarikat milik penuh CMSB,</p>

		daripada keseluruhan 25% kepentingan ekuitinya dalam OM Sarawak dan OM Samalaju kepada OM Materials (S) Pte. Ltd. untuk USD120 juta, termasuk penyelesaian kesemua pinjaman pemegang saham, termasuk faedah, yang diberikan oleh SISB kepada OM Sarawak dan OM Samalaju.
--	--	--

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk Diketengahkan</b>
SAM Engineering & Equipment (M) Berhad (AGM)	<p>Inventori pada 31 Mac 2022 berjumlah RM335.1 juta, meningkat RM158.6 juta daripada RM176.5 juta pada 31 Mac 2021. (Halaman 163, Laporan Tahunan 2022). Inventori dihapus kira pula berjumlah RM3.770 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM1.540 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 163, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Memandangkan inventori yang dihapus kira meningkat dengan ketara pada tahun kewangan 2022, apakah langkah yang diambil untuk menambah baik pengurusan inventori bagi memastikan jumlah inventori yang dihapus kira dapat dikekalkan pada tahap minimum?</p>
Perusahaan Sadur Timah Malaysia (Perstima) Bhd (AGM)	<p>Juruaudit bebas, KPMG PLT menekankan bahawa pelaburan Syarikat dalam Perstima Utility Sdn Bhd (PUSB) adalah perkara audit utama dalam pengauditannya terhadap penyata kewangan Perstima bagi tahun kewangan 2022 (Halaman 83, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Sehingga 31 Mac 2022, Perstima telah melabur RM5 juta dalam PUSB. Sehubungan itu, jumlah terhutang oleh PUSB kepada Syarikat berjumlah RM15.63 juta.</p> <p>KPMG menyatakan bahawa PUSB "telah merekodkan kerugian sepanjang tiga tahun kewangan yang lalu. Selepas mempertimbangkan keadaan semasa yang tidak menentu berhubung keuntungan masa hadapan, terdapat petunjuk bahawa jumlah dibawa bagi pelaburan dalam anak syarikat dan jumlah terhutang daripada anak syarikat mungkin akan terjejas".</p> <p>a) Sejauh manakah PUSB dapat memperbaiki prestasi kewangannya?</p> <p>b) Adakah amaun terhutang daripada PUSB dapat diperolehi semula? Apakah kemungkinan jumlah ini dikenakan peruntukan rosot nilai?</p>
Kumpulan Fima Berhad (AGM)	<p>Seperti yang diketengahkan dalam kajian mengikut segmen dalam Laporan Tahunan 2022, beberapa langkah telah diambil untuk menangani kekurangan tenaga kerja di ladang-ladang. Sejauh manakah isu kekurangan buruh yang dihadapi</p>

	<p>oleh bahagian perladangan? Berapakah jumlah pekerja yang diperlukan untuk mengoperasikan perniagaan perladangan kelapa sawit hulu dengan cekap dan apakah saiz tenaga kerja semasa?</p>
ATA IMS Berhad (AGM)	<p>1. Pendapatan Syarikat merudum daripada RM4.2 bilion pada tahun kewangan 2021 kepada RM2.6 bilion pada tahun kewangan 2022 atau penurunan sebanyak 38%. Untung selepas cukai pula menjunam daripada RM150.3 juta pada tahun kewangan 2021 kepada kedudukan rugi selepas cukai sebanyak RM12.1 juta pada tahun kewangan 2022. Prestasi buruk Syarikat pada tahun kewangan 2022 sebahagian besarnya disebabkan oleh penarikan diri salah satu pelanggan utamanya iaitu Dyson yang menyumbang kira-kira 81% daripada pendapatan Syarikat.</p> <p>Salah satu alasan yang dijadikan penyebab penarikan diri oleh Dyson adalah isu buruh paksa yang didakwa membabitkan Syarikat.</p> <p>a) Adakah isu buruh yang melanda Syarikat telah berjaya dirungkai?</p> <p>b) Memandangkan Syarikat telah pun kehilangan sumber pendapatan utama apabila Dyson menarik diri, apakah strategi Syarikat untuk menebus kerugian tersebut?</p> <p>2. Perbelanjaan Lain meningkat dengan ketara pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada RM16.6 juta berbanding RM1.7 juta pada tahun kewangan berakhir 2021. (Halaman 66, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan mendadak ini?</p>
Eduspec Holdings Berhad (AGM)	<p>Pinjaman dan peminjaman yang perlu dibayar balik dalam tempoh dua belas bulan meningkat kepada RM21.6 juta (2021: RM13.2 juta). (Nota 20, Halaman 144, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Memandangkan Kumpulan mempunyai aliran tunai operasi bersih yang negatif berjumlah RM11 juta (Halaman 70, Laporan Tahunan 2022), manakala baki tunai dan baki bank pula berjumlah RM3.3 juta (Halaman 59, Laporan Tahunan 2022), bagaimanakah Kumpulan merancang untuk memenuhi pembayaran balik pinjaman yang tepat pada masanya?</p>
YGL Convergence Berhad (AGM)	<p>Segmen implementasi perisian mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 21.7% kepada RM5.578 juta pada tahun kewangan 2022. Kerugian bersih daripada operasi berjumlah RM0.162 juta bagi tahun kewangan 2022 berbanding kerugian bersih daripada operasi sebanyak</p>

	<p>RM0.033 juta bagi tahun kewangan 2021. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah produk teras syarikat di bawah segmen implementasi perisian? Apakah tiga produk yang menjadi penyumbang pendapatan tertinggi?</p> <p>b) YGL lebih banyak mencatatkan kerugian dalam tempoh 12 tahun kewangan yang lalu. Apakah yang menyebabkan prestasi hambar yang berterusan ini? Apakah yang perlu dilakukan untuk mengubah prestasi perniagaan ini?</p> <p>c) Berapakah buku pesanan semasa untuk segmen implementasi perisian? Berapakah jumlah buku pesanan yang dijangka akan diiktiraf pada tahun ini?</p>
<p>IJM Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pada Sesi Penetapan Strategi Berwawasan Lembaga yang diadakan di luar kawasan selama tiga hari pada bulan Mac 2022, Lembaga Pengarah membincangkan secara aktif mengenai strategi berwawasan dan berpandangan ke hadapan untuk Kumpulan, termasuklah isu berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (<i>environmental, social and governance, ESG</i>) yang dihadapi oleh Kumpulan (Halaman 96 daripada Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah isu berkaitan ESG yang sedang dihadapi oleh IJM yang mungkin perlu ditangani dalam tempoh terdekat?</p> <p>b) Apakah strategi berpandangan ke hadapan Syarikat untuk menangani isu-isu tersebut?</p> <p>c) Apakah komitmen berkaitan ESG yang telah diputuskan oleh IJM untuk dipenuhi dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang? Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut?</p>
<p>EUPE Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Penghutang dagangan Kumpulan meningkat 101% atau RM47.7 juta daripada RM47.3 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM95.0 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 125, Laporan Tahunan)</p> <p>Peningkatan dalam penghutang dagangan secara amnya tidak sejajar dengan pendapatan Kumpulan yang merudum sebanyak 26.6% atau RM80.8 juta daripada RM304.0 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM223.2 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 87, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila berikan penjelasan di sebalik lonjakan dalam jumlah penghutang dagangan pada tahun kewangan 2022.</p> <p>b) Segmen perniagaan manakah yang menyumbang kepada penghutang dagangan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022?</p>

	<p>c) Berapakah daripada jumlah penghutang dagangan yang telah lampau tempoh tetapi tidak dirosot nilai berjumlah RM28.4 juta pada tahun kewangan 2022 yang berpotensi bertukar menjadi hutang lapuk? (Halaman 151, Laporan Tahunan)</p> <p>d) Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan untuk menangani risiko penghutang dagangan yang telah lewat tempoh tetapi tidak dirosot nilai daripada bertukar menjadi hutang lapuk?</p>
<p>YBS International Berhad (AGM)</p>	<p>Pertambahan pinjaman berjumlah RM18.08 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengubahsuaian dan lanjutan projek pembinaan kilang sebagai sebahagian daripada program pengembangan berterusan Kumpulan. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah perbelanjaan modal pada tahun kewangan 2022? Sila terangkan lebih lanjut tentang rancangan pengembangan Kumpulan misalnya, kilang yang disasarkan, pecahan perbelanjaan modal, pengembangan kapasiti dan lain-lain.</p> <p>b) Berapakah jumlah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2023 dan tahun kewangan 2024? Sila berikan pecahan perbelanjaan modal untuk setiap segmen perniagaan.</p> <p>c) Nisbah penggearan Kumpulan telah meningkat daripada 0.48 kali pada tahun kewangan 2021 kepada 0.67 kali pada tahun kewangan 2022 (Halaman 124, Laporan Tahunan 2022). Adakah Kumpulan menetapkan had terhadap nisbah penggearannya dan adakah Kumpulan mempunyai sebarang perancangan untuk mengumpul dana daripada pasaran ekuiti?</p>
<p>EUPE Corporation Berhad (EGM)</p>	<p>Sunway Berhad telah mula membangunkan tanah Belfieldnya lebih awal sebelum Syarikat memperoleh tanah Belfield yang terletak berhampiran projek Belfield Sunway Berhad.</p> <p>a) Adakah Syarikat meramalkan tanah Belfield yang bakal diperoleh ini akan menarik kurang pembeli rumah berpotensi kerana Sunway Belfield mempunyai kelebihan sebagai penggerak pertama? Bagaimanakah Syarikat merancang untuk mengatasi isu ini?</p> <p>b) Tahukah Syarikat berapakah Nilai Pembangunan Kasar projek Sunway Belfield dan kadar pengambilan kondominium kerana ini mungkin menunjukkan penerimaan pembeli terhadap projek hartanah yang terletak di Belfield? Jika ya, sila berikan angka-angka tersebut.</p> <p>c) Adakah terdapat projek hartanah bertingkat lain yang telah dilancarkan (kecuali Sunway Belfield) atau akan</p>

	<p>dilancarkan di sekitar kawasan Belfield? Jika ada, sila namakan projek-projek ini.</p> <p>d) Apakah strategi yang akan dilaksanakan oleh Syarikat untuk memastikan kejayaan projek hartanah Belfield Land?</p>
PNE PCB Berhad (AGM)	<p>Elaun kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan naik dengan mendadak kepada RM3.594 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM428,407 pada tahun kewangan 2021. Peruntukan rosot nilai juga dibuat ke atas penghutang lain berjumlah RM9.0 juta pada tahun kewangan 2022 (Tahun kewangan 2021: Tiada). (Halaman 81, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Mengapakah terdapat peningkatan yang begitu besar dalam elaun untuk kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan? Apakah kebarangkalian jumlah ini dipulihkan?</p> <p>b) Apakah item yang terdapat dalam jumlah penghutang lain dan mengapakah peruntukan kerugian rosot nilai dibuat? Apakah kebarangkalian jumlah ini dipulihkan?</p>
Eastern & Oriental Berhad (AGM)	<p>Perbelanjaan pentadbiran Kumpulan meningkat 58.6% atau RM21.1 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM57.2 juta berbanding RM36.0 pada tahun kewangan 2021. (Halaman 31, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan perbelanjaan pentadbiran pada tahun kewangan 2022, sedangkan pendapatan Kumpulan menyusut 53.9% atau RM164.2 juta?</p> <p>b) Perbelanjaan pentadbiran manakah yang mencatatkan peningkatan lebih tinggi pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk mengekang perbelanjaan pentadbiran daripada terus meningkat tanpa peningkatan yang sepadan dalam pendapatan?</p>
Oriental Food Industries Holdings Berhad (AGM)	<p>Melihat kepada prestasi produk, tahun kewangan dalam tinjauan mencapai pendapatan yang mampan untuk semua kategori produk kecuali biskut dengan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 17%. (Halaman 8, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) OFI menceburi aktiviti pengeluaran produk biskut pada tahun kewangan 2018. Bagaimanakah prestasi syarikat sejak itu? Apakah prospek produk biskut pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Berapakah jumlah kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan purata bagi barisan pengeluaran biskut pada tahun kewangan 2022?</p>

	<p>c) Apakah strategi Syarikat untuk meningkatkan jualan produk biskut dalam pasaran yang amat kompetitif? Bilakah syarikat mensasarkan untuk mencapai kapasiti optimum bagi barisan pengeluaran biskut?</p>
<p>Boilermech Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Secara keseluruhan, Kumpulan menunjukkan prestasi yang baik pada tahun kewangan 2022 dengan mencatatkan pendapatan berjumlah RM317.8 juta, meningkat 33.9% tahun ke tahun. Bagaimanapun, untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) merosot 23.7% kepada RM25.7 juta, terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang rendah daripada segmen Bio-Tenaga. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Segmen Bio-Tenaga menyaksikan PBT merosot 25.4% kepada RM18.2 juta meskipun pendapatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 40% kepada RM246.1 juta. Bahan mentah manakah yang memberi kesan paling ketara terhadap struktur kos?</p> <p>b) Berapakah buku pesanan semasa yang masih tertunggak untuk segmen Bio-Tenaga? Berapakah jumlah buku pesanan ini berdasarkan struktur kos terkini yang lebih tinggi? Sejauh manakah syarikat boleh menyalurkan kos yang lebih tinggi ini kepada pelanggan?</p> <p>c) Apakah langkah yang telah diambil atau dirancang untuk dilaksanakan bagi mengurangkan risiko kenaikan kos yang tinggi dan naik secara mendadak pada masa hadapan? Dengan kata lain, dapatkah syarikat mengekalkan margin keuntungan jika situasi yang sama berulang?</p> <p>d) Berapakah kadar penggunaan purata bagi loji pembuatan dandang syarikat pada tahun kewangan 2022? Berapakah pula kadar penggunaan semasa dan kadar yang disasarkan bagi tahun kewangan 2023?</p>
<p>Powerwell Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Sebelum penyenaiaannya di Pasaran ACE pada Januari 2020, keputusan kewangan Powerwell boleh dikatakan bagus dengan untung selepas cukai antara RM9.12 juta hingga RM13.87 juta dari tahun kewangan 2017 hingga tahun kewangan 2019. Selepas penyenaian, Kumpulan mencatatkan kerugian selepas cukai masing-masing berjumlah RM8.89 juta dan RM3.01 juta bagi tahun kewangan 2021 dan 2022. (Halaman 4, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah yang berlaku dalam dua tahun kewangan yang lalu?</p> <p>b) Adakah Kumpulan berpeluang mencapai kembali rekod keuntungan selepas cukai tertinggi yang berjumlah RM13.87 juta dan margin untung selepas cukai sebanyak 13.0% pada masa hadapan?</p>



Matrix Concepts Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah menghapus kira kos pembangunan hartanah berjumlah RM5.58 juta pada tahun kewangan 2022. Amaun ini tiada pada tahun kewangan 2021. (Halaman 141, Laporan Bersepadu)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan Kumpulan menghapus kira kos pembangunan hartanah berjumlah RM5.58 juta pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Projek hartanah manakah yang terlibat dalam hapus kira yang berjumlah RM5.58 juta ini?</p>
Xin Hwa Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun segmen pengangkutan darat melaporkan pendapatan yang lebih tinggi bagi tahun kewangan 2022 iaitu RM89.489 juta berbanding RM86.984 juta setahun lalu, keuntungan segmen sebelum faedah dan cukai merosot secara mendadak kepada RM1.949 juta daripada RM7.755 juta setahun lalu.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan kejatuhan mendadak dalam keuntungan segmen bagi tahun kewangan 2022 walaupun pendapatan segmen lebih tinggi?</p> <p>b) Apakah prospek bagi segmen pengangkutan darat?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil untuk menambah baik margin mengikut segmen?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

---

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*